

E-BULETIN  
EDISI  
2023



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Cawangan Negeri Sembilan  
Kampus Rembau



e-BULETIN  
2023

FAKULTI  
PENGURUSAN  
& PERNIAGAAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
KAMPUS REMBAU



# OPR NAIK LAGI? APA LANGKAH SEGERA OLEH PEMINJAM

Bagi masyarakat umum mungkin telah biasa mendengar istilah OPR. Apakah OPR sebenarnya? OPR atau dikenali sebagai *Overnight Policy Rate* atau Kadar Dasar Semalaman ini adalah sebuah kadar yang telah ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) ke atas pinjaman dana pada seluruh bank di Malaysia. Baru-baru ini kita dikejutkan dengan berita kenaikan OPR lagi. Berita ini tersebar meluas media sosial, televisyen dan tidak ketinggalan di corong-corong radio. Dewasa ini semua peringkat golongan termasuklah golongan B40, M40 dan juga T20 amat peka dan turut terkesan apabila mendengar berita tersebut. Ini berikutan dari Jawatankuasa Dasar Monetari atau dikenali (*Monetary Policy Committee*, MPC) Bank Negara Malaysia membuat keputusan untuk menaikkan OPR ini sebanyak 25 mata asas kepada 3.00 peratus.

**Nor Azurah Md  
Kamdari,  
Sharfizie Mohd  
Sharip dan Farrah  
Othman**

*Fakulti Pengurusan dan  
Perniagaan*

*UiTM Cawangan Negeri  
Sembilan Kampus Rembau*

Menurut pernyataan monetari dari Bank Negara Malaysia terkini ekonomi Malaysia menunjukkan ekonomi berkembang pada suku pertama tahun 2023. Manakala perbelanjaan isi rumah kekal berdaya tahan, disokong oleh keadaan pasaran pekerja yang lebih baik memandangkan pengangguran terus menurun ke tahap sebelum pandemik. Ketibaan pelancong yang meningkat dijangka menggiatkan aktiviti berkaitan pelancongan. Projek infrastruktur juga terus dilaksanakan dan seterusnya turut menyokong aktiviti pelaburan di Malaysia.

Apakah kesan berlaku kepada peminjam bank? Bagi kenaikan kadar OPR ia meliputi dua kesan terhadap individu peminjam iaitu tempoh pembayaran menjadi lebih panjang ataupun kadar pembayaran semakin tinggi. Tindakan itu sememangnya tidak memberi pengguna pilihan yang baik. Tetapi jika kadar OPR naik, perbelanjaan aliran tunai negara semakin perlahan dan ia secara terus dapat meningkatkan simpanan negara. Apakah kesan berlaku kepada peminjam bank ini? Sekiranya peminjam membuat pinjaman berdasarkan kaedah terapung atau *floating rate* seperti ASBF, maka bayaran bulanannya akan naik. Kesan daripada kenaikan OPR ialah segala pinjaman yang menggunakan kaedah *floating rate* akan mengalami kenaikan bayaran bulanan seperti contoh bayaran ansuran rumah dan pinjaman peribadi turut akan naik.

Oleh yang demikian apakah tindakan kita sebagai peminjam dan pengguna yang bijak? Kita digalakkan menyemak semula semua perbelanjaan bulanan kita agar tidak melebihi kemampuan. Pertama kita haruslah merancang untuk melebihi wang simpanan. Pada masa sekarang kita digalakkan menabung memandangkan harga barang dan aset yang melambung tinggi. Kedua, kita perlu merancang menguruskan

hutang yang sedia ada, iaitu dengan memastikan wang yang ada cukup untuk membayar kenaikan ansuran bulanan bank. Ketiga kita disarankan untuk mengelakkan hutang baru contoh seperti tidak memilih kaedah ansuran dalam pembelian barang. Manakala yang keempat kita seharusnya mengurangkan perbelanjaan peribadi. Disini kita harus tahu membezakan perbelanjaan mengikut keperluan dan kehendak.



Gambar kredit: Sinar Harian